NOVEL

Pengenalan

- **Novel – prosa cereka yang panjang.**
- **Istilah ‘novel’ diambil daripada bahasa Inggeris. Kata ini berasal daripada bahasa Itali iaitu ‘novella’.**

Sifat-sifat novel

- Mengisahkan peristiwa dan tindakan yang dialami dan dilakukan oleh manusia.

- Turut memaparkan dialog antara watak-watak dalam cerita.

- Segala kejadian digambarkan berlaku pada satu-satu tempat dan masa tertentu.

- kemukakan satu-satu pandangan hidup dan persoalan tentang kehidupan.

SINOPSIS

BAB 1 : Sakit Hati

Amri masuk ke kelas dengan selamba. Tiada siapa berani menyapa atau bertanya apa-apa kepadanya kecuali Siva. Sebenarnya Amri dikenakan hukuman rotan oleh Cikgu Salman akibat daripada aduan Sapura tentang salah laku Amri. Sapura mendakwa Amri membuli Saleh, seorang murid junior, dan mengutip wang perlindungan. Amri tidak berasa sakit ketika dirotan kerana dia telah mengalas punggungnya dengan buku yang nipis.

Amri berdendam terhadap Sapura dan merancang untuk mengenakannya. Bagi Amri pengawas sekolah itu perlu “diajar” agar dia tidak berani membuat aduan pada masa akan datang. Lagipun Amri mahu memastikan murid-murid lain berasa takut terhadapnya.

Siva berat hati untuk membantu Amri kali ini kerana Sapura seorang perempuan dan pengawas sekolah. Namun, Amri nekad untuk melakukannya walaupun sendirian.

Ketika guru sedang mengajar dan murid-murid memberikan tumpuan terhadap pengajaran guru, Amri mengenangkan perbuatan Sapura terhadapnya. Amri sakit hati kerana Sapura campur tangan dalam urusannya. Selama ini tiada murid yang berani membuat aduan kerana takut kepadanya. Guru disipilin tidak dapat menghukum Amri dan rakan-rakannya kerana tiada bukti dan tiada siapa yang berani mengaku diugut oleh Amri.

BAB 2 : BERWASPADA

Sapura dan Rozita berbual tentang tindakan Sapura yang membuat aduan tentang Amri. Sapura menegaskan bahawa dia menjalankan tanggungjawabnya sebagai pengawas. Rozita menasihati Sapura agar berwaspada dengan Amri.

sapura teringat akan peristiwa dia ternampak Amri membuli Saleh. Pada mulanya Saleh meminta tolong dan ternampak Amri sedang memarahi Saleh. Apabila Spura menegur, Amri mengatakan bahawa dia mengajar Saleh agar menghormati senior. Saleh mengiakan kata-kata Amri.

Sapura mengadukan kejadian tersebut kepada Cikgu Salman. Malangnya, Saleh menyatakan bahawa beliau yang bersalah. Saleh diberi amaran manakala Amri dirotan di punggung. Amri tidak berasa sakit sebaliknya tersenyum sinis kepada Sapura.

tengah hari itu, ketika pulang ke rumah, Sapura ternampak Amri di tempat letak basikal. Sapura berhati-hati kerana bimbang Amri akan mengenakannya.

BAB 3 : KESUSAHAN HIDUP

Di rumah Amri berbual dengan ibunya yang baru pulang dari kedai Pak Dollah. Ibu Amri mengadu bahawa dia berasa segan dengan Pak Dollah kerana kebaikannya. Hutang kepada Pak Dollah terlalu banyak. Namun dia tidak menuntutnya.

Amri terkenangkan sikap ayahnya yang tidak bertanggungjawab. Kerana itulah Amri memberontak dan melepaskan kepada murid lain dengan membuli. Hati Amri puas apabila melakukan perkara tersebut. Pada masa yang sama Amri bersimpati dengan ibunya. Dia amat menyanyangi dan menghormati ibunya. Sikap Amri berbeza ketika di sekolah dengan di rumah. Di sekolah dia sangat nakal, manakala di rumah dia sangat menyanyangi dan menghirmati ibunya.

BAB 4 : KEKALUTAN

Malam itu ayah Amri pulang dan meminta duit daripada ibunya. Apabila ibu Amri tidak dapat memberinya wang, dia menyelongkar gerobok pakaian dan mengambil duit yang ada. Ibu Amri cuba untuk mencapai duit daripada tangan ayahnya namun tidak berjaya.

Apabila ternampak gelang emas pusaka nenek yang dipakai ibunya, ayah Amri merentap gelang tersebut. Ibu Amri ungin mengambilnya tetapi tersungkur keran kakinya terseradung di bendul. Amri geram lalu menghalang ayahnya daripada keluar. Amri ditampar ayahnya. Ibu Amri memujuk Amri agar bersabar.

BAB 5 : RINTIHAN HATI

Amri ke sekolah dengan kesan lebam di pipi. Dia menyatakan bahawa dia lebam kerana tergelincir. Amri tidak mahu menceritakan tentang penderitaan hidupnya kepada sesiapa pun.

Pada waktu rehat Amri mengasingkan diri dengan memencilkan diri di hujung padang sekolah dan merintih sedirian. Dia tidak tahu kepada siapa dia ingin menceritakan masalahnya. Dia tertekan.

Amri cemburu melihat kegembiraan orang lain. Oleh itu, dia bertindak ganas terhadap murid lain. Baginya, keasakitan hatinya dapat diubati dengan mengakitkan hati orang lain. Amri mencari mangsa untuk disakiti.

Amri teringatkan Sapura dan mencari jalan un tuk mengenakannya. Amri sedar dia tidak patut memukul Sapura. Dia mendapat akal dengan melihat basikal.

BAB 6 : MENGENAKAN SAPURA

Amri menunggu Sapura di tempat letak basikal ketika waktu persekolahan sudah tamat. Sapura hairan melihat gelagat Amri. Amri meminta maaf kepada Sapura kerana bersikap sombong pada pagi tadi.

Apabila Sapura memaafkannya, Amri menunggang basikal mengiringi Sapura. Amri menyatakan dia telah berubah sikap. Sapura berasa hairan.

Ketika melalui jalan sempit di sebelah bendang, Amri yang berada di hadapan memberhantikan basikal secara mengejut. Sapura terjatuh keran mengelak daripada melanggar Amri. Pakaian Sapura kotor terkena lumpur dan Amri mentertewakan Sapura.

Sapura memarahi diri sendiri kerana membiarkan dirinya diperdaya Amri dan dia mahu membalas perbuatan Amri.

BAB 7 : BERSIMPATI

Apabila sampai di rumah, Amri terkejut melihat rumahnya berselerak. Ibunya menangis dan dahinya berdarah. Ibu Amri menyatakan bahawa dia terhantuk ketika menghalang ayahnya mengambil satu-satunya barang kemas yang tinggal. Amri sangat marah dengan perbuatan ayahnya namun ibunya menyuruh Amri bersabar.

Perkara yang terjadi di rumah Amri diketahui oleh Sapura secara kebetulan kerana dia mahu ke rumah Amri dengan niat untuk mengadu kenakalan Amri kepada ibu bapanya. Namun, Spura bersimpati setelah mendengar perbualan Amri dengan ibunya. Amri tidak senakal yang disangka. Dia seorang yang sangat menyanyangi dan menghormati ibunya. Sapura memahami mengapa Amri boleh menjadi nakal dan dia ingin membantu Amri.

Sepanjang perjalanan pulang, Spura memikirkan tentang Amri dan ibunya. Sapura ingin membantu namun dia takut niatnya disalah ertikan.

BAB 8 : MENDAPATKAN UBAT

Amri meminta izin kepada ibunya untuk pergi membeli ubat di pekan. Pada mulanya ibu Amri tidak membenarkan kerana mereka tidak mempunyai wang. Amri memberitahu dia mempunyai wang simpanan. Ibu Amri menyatakan dia akan reda jika Amri menggunakan wangnya sendiri. Sekiranya wang tersebut bukan miliknya maka perlu dipulangkan kepada tuannya. Duit itu sebenarnya telah bercampur diantara wang simpanan dengan wang hasil memeras ugut.

Walaupun Amri berasa serba salah untuk menggunakan wang tersebut tetapi dia terpaksa menggunakan kerana ingin membeli ubat untuk ibunya dan bimbang akan kesihatan ibunya.

Sepanjang perjalanan sejauh 10 KM ke pekan, Amri teringatkan apa yang dilakukannya sebelum ini. Perasaannya bercampur baur. Dia marah dan geram apabila teringatkan sikap ayahnya. Namun dia gembira kerana berjaya mengenakan Sapura.

BAB 9 : CEDERA DISAMUN

Amri membeli ubat deman dan luka di farmasi. Dalam perjalanan ke rumah, Amri ditahan seorang pemuda di sebatang lorong.

Pemuda tersebut memberitahu bahawa ada orang pengsan di belakang lorong tersebut. Dia meminta Amri membantunya.

Amri ingin membantu, namun setelah tiba di lorong, Amri tidak melihat orang pengsan sebalinya ada seoran pemudalain yang tersenyum kepada pemuda tadi.

Rupa-rupanya, itu hanyalah helah mereka untuk menyamun. Mereka memukul Amri apabila Amri tidak memberi wang kepada mereka. Mereka juga turut membuang ubat yang dibeli Amri.

Tiba-tiba satu laungan kuat terdengar dan menyebabkan kedua-dua pemuda tersebut melarikan diri. Amri terkejut apabila mendapati Sapura telah membantunya.

BAB 10 : KEINSAFAN

Sapura menyatakan kepada Amri yang dia mahu membantunya. Amri menangis apabila mendapati ubat yang dibelinya sudah habis dibuang oleh penyamun.

Sapura menenangkan Amri dengan menyatakan ibunya selamat. Sapura dan ayahnya telah menghantar ibunya ke hospital dan ibunya mengalami demam biasa. Ayah Sapura muncul dan membawa Amri ke hospital untuk mendapatkan rawatan dan mengambil ibunya.

Amri menyesal kerana menganiayai Sapura. Dia meminta maaf kepada Sapura. Dia juga insaf atas sikapnya yang buruk terhadap murid lain. Pengalamannya ketika diperas ugut penyamun menyedarkannya dan berazam untuk berubah.

Amri dan ibunya mengucapkan terima kasih kepada Sapura dan ayahnya. Sejak itu, Sapura dan Amri menjadi kawan baik. Amri menjadi baik dan pembela kepada murid-murid yang dibuli.

Ayah Amri tidak pulang ke rumah. Dia dipenjarankan keranaterlibat dalam perjudian haram dan dadah. Ayah Amri insaf dan meminta maaf kepada Amri dan ibunya. Amri memaafkan ayahnya dan tidak berdendam lagi. Amri sudah berjaya mengawal emosinya dan berazam untuk menjadi insan berguna dan tidak mensia-siakan masa depannya.